

NovaMSC mahu tembusi pasaran ICT bandar utama China

KUALA LUMPUR 21 Julai — NovaMSC Bhd. (NovaMSC) menyasarkan untuk menembusi pasaran teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) di bandar-bandar utama China dalam masa terdekat sebelum berkembang ke 666 buah bandar di republik itu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Steven Chan berkata, syarikat yang menghasilkan sistem perisian kerajaan elektronik dan sistem penjagaan kesihatan elektronik berpotensi besar menembusi pasaran China berikutan permintaan yang tinggi terhadap produk yang dihasilkannya.

"Pada masa depan China akan menjadi sasaran pasaran utama kami," katanya selepas majlis pelancaran prospektus dan memeterai perjanjian antara NovaMSC dan Sino-Overseas Construction Information Co. (China) Ltd. (SCI) di sini, hari ini.

NovaMSC diwakili oleh Pengerusinya, Tunku Datuk Seri Nadzaruddin Tunku Ja'afar pada majlis yang disaksikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting manakala SCI pula diwakili oleh Presidennya, Lin Yu.

NovaMSC yang akan disenaraikan di pasaran MESDAQ Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada 19 Ogos depan akan menerbitkan 55 juta saham biasa baru pada harga 10 sen sesaham dengan harga tawaran 28 sen setiap satu.

Daripada jumlah itu, 50 juta saham diperuntukan kepada peletakan swasta manakala baki 5 juta saham dikhaskan kepada orang awam.

Menurut Chan, kira-kira 80 peratus daripada perolehan syarikat dijana oleh pengeksportan produk dan perkhidmatannya ke luar negara dan kini syarikat

itu diklasifikasikan sebagai pengeksport bersih ICT.

Tambah beliau, selain daripada China pihaknya juga akan memberi perhatian kepada negara ASEAN dalam usaha mengembangkan operasinya pada masa depan.

Sementara itu, NovaMSC dijangka mengumpulkan dana sebanyak RM15.4 juta hasil daripada cadangan pelaksanaan tawaran awam awal (IPO) itu.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM6.15 juta akan digunakan untuk modal kerja, RM5.50 juta bagi perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (R&D), RM1.90 juta untuk perbelanjaan penyenggaraan manakala baki RM1.85 juta adalah untuk cadangan pelaburan di luar negara.